

# Panasonic Beauty

## Pengering Rambut Kompak & Ringan EH-NE64 dan EH-ND63 Baharu Menampilkan Aliran Udara Berkuasa 2000W untuk Pengeringan Pantas dengan Perapian Ion\*

\*Untuk EH-NE64



EH-NE64

\*RSP RM158



EH-ND63


\*RSP RM119

\*RSP – Harga Jualan Runcit

Panasonic memperkenalkan pengering rambut ringan dan kompak, EH-NE64 dan EH-ND63 yang menampilkan aliran udara berkuasa 2000W dari rangkaian Siri Pengeringan Pantas 2000W untuk pengeringan rambut yang lebih pantas. Walaupun berbentuk kompak dan ringan, EH-NE64 dan EH-ND63 menawarkan prestasi pengeringan yang dipertingkatkan. Dilengkapi outlet luaran ion, EH-NE64 memberikan perapian ion semasa rambut dikeringkan. Bersama rangkaian Siri Penjagaan, Panasonic menawarkan pelbagai pilihan pengering rambut berkuasa 2000W untuk anda, seiring dengan keperluan berbeza setiap individu.

### Aliran Udara Berkuasa 2000W untuk Pengeringan Rambut Lebih Pantas

Kelajuan motor yang dianggarkan 10% lebih tinggi meningkatkan tekanan udara sekitar 10%. Rekaan aliran udara unik dengan cecincin dalaman di belakang nozel menekan dan menumpukan udara untuk letusan angin yang berkuasa. Gabungan kuasa tinggi dan rekaan aliran udara baharu mempertingkatkan prestasi pengeringan sekaligus menjimatkan masa anda.



Prestasi Tekanan Udara



Rekaan Unik Aliran Udara

# Panasonic Beauty

## Perapian Ion untuk Penjagaan Tambahan (\*Untuk EH-NE64)

Aliran udara yang kuat dilengkapi ion memberi pengeringan pantas kepada rambut namun mengekalkan kilauan semulajadinya. Ion menyaluti permukaan setiap helaian rambut, mengurangkan elektrik statik dan menjadikan rambut licin dan berkilau.

Ion melembapkan rambut anda	Ion meneutralkan caj elektrik positif rambut
	
Ia menyaluti permukaan setiap helaian rambut, menambah kelembapan.	Rambut secara semulajadi sering mempunyai caj elektrik positif yang menjadikannya berdiri. Ion meneutralkan caj tersebut, mengurangkan elektrik statik untuk merapikan rambut dan menjadikannya lebih licin.

## Outlet Ion Luar (\*Untuk EH-NE64)

Ion dikeluarkan dari dua outlet bebas ion. Oleh kerana outlet ini berada di luar muncung udara panas, ion ini tidak kering. Lebih banyak lembapan dikekalkan dan disalurkan ke rambut anda.

## Kompak & Ringan



Berbanding pengering berkuasa 2000W yang lain, siri ini lebih ringan, nipis dan kompak. Mudah dipegang, ia boleh digunakan untuk tempoh yang lama tanpa memamatkan tangan.

## Rekaan Mudah Dipegang

Rekaan bentuk ergonomik dengan berat yang seimbang untuk memberi genggamannya yang stabil.

## Tiga Tetapan Suhu

Pengguna boleh memilih suhu yang sesuai dengan tiga tetapan : Turbo, Perlindungan Haba dan Sejuk Dingin.

## Rekaan Boleh-Lipat

Rekaan kompak boleh-lipat memerlukan ruang simpanan minimum jika tidak diguna.

- Spesifikasi tertakluk kepada perubahan tanpa sebarang notis.
- Kesan pengayaan mungkin berbeza mengikut jenis rambut individu.